

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
' DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI PERASMIAN PAMERAN KARYANEKA/KEMAS
DI SEKOLAH KEBANGSAAN ULU KELANG
ULU KELANG, SELANGOR, PADA HARI AHAD
30HB. MAC, 1986
PUKUL 2.30 PETANG

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Puan Hajah Rahmah Osman,
Timbalan Menteri Pengangkutan;

Dif-Dif Kehormat,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan KEMAS kerana menjemput saya untuk merasraikan Pameran Karyaneka/KEMAS pada hari ini.

2. Kraftangan merupakan salah satu daripada unsur-unsur seni budaya masyarakat negara kita. Kita mengakui bahawa Malaysia memang kaya dengan unsur-unsur kesenian terutama sekali kesenian dalam bidang kraftangan. Bidang kraf atau seni ukiran di negara ini merupakan salah satu bidang yang telah lama dijalankan atau diusahakan terutama sekali di kampung-kampung sebagai salah satu daripada hobi untuk mengisi masa lapang. Kini, usaha ini telah menjadi satu industri yang popular di kalangan penduduk kampung dalam usaha meningkatkan lagi pendapatan mereka.

3. Usaha kraftangan ini telah mendapat perhatian bukan sahaja daripada orang persaorangan tetapi juga daripada

pihak Kerajaan. Dalam hal ini Kerajaan telah dan akan terus menyediakan peruntukkan kepada mana-mana pengusaha yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang ini. Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Negara Dan Luar Bandar, Perbadanan Kemajuan Kraftangan dan pihak KEMAS telah menyediakan bermacam-macam kemudahan seperti kursus-kursus atau latihan-latihan kemahiran, peralatan, khidmat nasihat dan lain-lain lagi dalam usaha menjayakan rancangan ini.

4. Sebagai menyahut seruan ini, Kerajaan Negeri Selangor sehingga kini telahpun menyalurkan sejumlah \$43,000 kepada para pengusaha bengkel buluh, rotan, perabut, ukiran kayu dan lain-lain lagi. Sumbangan ini adalah sebagai salah satu usaha galakkan kepada para pengeluar barangan kraf untuk mengeluarkan lebih banyak lagi hasil barangan yang bermutu. Dengan cara ini barangan yang dikeluarkan akan dapat dijual dengan harga yang berpatutan dan dengan itu akan menarik lebih ramai lagi pembeli.

5. Selain daripada itu KEMAS juga telah melatih para penduduk kampung dalam bidang sulaman, tekatan, anyaman buluh, rotan, mengkuang dan lain-lain lagi. Sebagaimana yang telah kita ketahui pengeluaran barangan seperti ini hanyalah merupakan salah satu kegiatan sampingan yang memenuhi kehendak dan keperluan sendiri. Proses pembuatannya hanyalah melibatkan penggunaan peralatan-peralatan ringan atau mengikut kaedah-kaedah yang tertentu sahaja. Dengan adanya bimbingan daripada pihak KEMAS pengeluaran barangan secara 'commercial' dengan menggunakan peralatan teknologi yang tinggi akan dapat meningkatkan lagi pengeluaran barangan kraf ini.

6. Pengeluaran barangan kraftangan secara 'commercial' dengan penggunaan teknologi masakini akan dapat memenuhi kehendak serta citarasa pelbagai masyarakat secara praktikal, baik untuk kegunaan harian ataupun sebagai satu perhiasan di rumah-rumah mereka. Dalam hal ini

perkara-perkara seperti ketinggian mutu, kehalusan kerja, citarasa pengguna dan sebagainya hendaklah selalu diambil-kira dalam usaha memenuhi pasaran tempatan.

7. Saya difahamkan bahawa barangan kraftangan yang dihasilkan di seluruh negeri Selangor ini akan dikumpul dan dipasarkan melalui pihak KEMAS di pusat jualannya di Pusat Karyaneka, Kuala Lumpur. Mengikut perangkaan hasil jualan barangan kraf di Gerai Karyaneka Selangor ialah antara dua hingga tiga ribu ringgit sebulan. Hasil daripada jualan barangan ini adalah menggalakkan, dan usaha-usaha yang lebih giat lagi akan terus dijalankan untuk meningkatkan lagi keluaran barangan kraf di negeri ini dan seluruh negara amnya.

8. Saya percaya Pameran yang diadakan ini akan mendorong dan menggalakkan lagi penghasilan barangan kraf yang dapat memenuhi citarasa semasa para pemiliknya. Perhatian yang berat telah diambil terhadap ketinggian nilai, reka-bentuk serta kehalusan pembuatannya, dan saya percaya barangan kraf yang dipamerkan merupakan barangan kraf tradisional yang terpilih yang terdapat di Negeri Selangor secara keseluruhannya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

9. Saya mengucapkan tahniah kepada KEMAS yang mengaturkan Pameran ini dan juga kepada masyarakat setempat kerana memberi sokongan dan kerjasama untuk menjayakan keluaran hasil kraftangan tradisional. Saya berharap minat untuk menghidupkan kraftangan tradisional ini akan berterusan dengan banyak tanpa kehilangan mutu dan kecantikannya.

10. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya membuka Pameran Karyaneka/KEMAS ini dengan rasminya.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.
